

PM beritahu Rice, Israel kejam

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Amerika Syarikat (AS) menggunakan pengaruhnya untuk menguatkuasakan gencatan senjata secepat mungkin bagi mengelakkan lebih ramai orang awam menjadi mangsa kekejaman Israel di Lubnan dan Palestin.

Perdana Menteri juga menyatakan tindakan Israel adalah kejam dan melampaui batas kemanusiaan serta undang-undang antarabangsa kepada Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Condoleezza Rice dalam kunjungan hormatnya terhadap Abdullah selama 40 minit di pejabatnya di Parlimen.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Abdullah memberitahu Rice saranan yang disampaikan adalah pandangan rakyat Malaysia, negara Islam dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM).

"Perdana Menteri menyampaikan mesej ini dengan jelas dan konsisten. Rice berkata matlamatnya adalah un-

tuk mendapatkan gencatan senjata yang dapat diterima kedua-dua pihak," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen lewat petang semalam.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata, Rice menyatakan perkara itu bukan sesuatu yang mudah dicapai dan perlu diteliti semua pihak terbabit.

"Beliau (Rice) berharap gencatan senjata dapat dicapai," katanya.

Rice berada di negara ini bagi menghadiri Forum Serantau Asean (ARF) yang diadakan sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Asean ke-39 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur

"Rice berharap gencatan senjata dapat dicapai"

Syed Hamid Albar
Menteri Luar

(KLCC) hari ini.

Selain Rice, Abdullah juga menerima kunjungan hormat Menteri Luar Korea Utara, Paek Nam Sun dan diikuti Menteri Luar Asean dan 26 rakan dialog Asean yang menghadiri ARF di sini.

"Rice menyatakan dalam gencatan senjata yang akan diadakan, pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) diperlukan untuk memantau dan mengawasi sempadan tertentu supaya gencatan senjata itu tidak dicabuli," katanya.

Syed Hamid berkata, Malaysia melahirkan kebimbangan sekiranya kemelut di Lubnan dan Palestin tidak dibendung, akan membangkitkan kemarahan dunia terutama umat Islam.

Berhubung kegagalan rundingan antarabangsa di Rome, Itali bagi mencapai sebarang persetujuan gencatan senjata membabitkan pihak bersengketa, Syed Hamid mengakui tiada pihak dapat menghalang apa yang berlaku di Lubnan kecuali ne-

gara yang berpengaruh.

Beliau juga mengesahkan Perdana Menteri Lubnan menghubungi Abdullah dan meminta Malaysia memainkan peranan untuk mengakhiri kekejaman Israel itu.

Syed Hamid berkata, Rice akan ke kawasan bergolak untuk berunding dengan negara terbabit serta pemimpin Asia Barat lain.

Mengenai Korea Utara, Syed Hamid berkata, negara itu tidak mengiktiraf sebarang usaha PBB berhubung program senjata nuklear serta tindakannya melancarkan peluru berpandu Taepodong-2, 25 Julai lalu.

Katanya, Korea Utara beranggapan usaha PBB adalah tindakan politik dan mahu Malaysia memainkan peranan menyelesaikan perkara ini.

"Perdana Menteri beritahu Korea Utara bahawa mereka perlu bersuara dalam mesyuarat ARF supaya pandangan mereka didengar," katanya.

Oleh Anwar Hussin